

Tautan Kasih Enactus

Oleh Mohd Amin Jalil
rencana@media-
prima.com.my

30 pelajar USIM rai golongan kurang bernasib baik di PDK Senawang

KELAB Enactus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai mendekati golongan kurang bernasib baik apabila mengadakan program Tautan Kasih di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Senawang Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Seramai 67 penghuni berusia tiga hingga 20 tahun teruja dengan kehadiran ahli kelab itu apabila mereka diraikan dalam pelbagai aktiviti termasuk nyanyian dan majlis memotong kek.

Presiden kelab itu, Arrharatnasari Kachong Ma'arof berkata, seramai 20 mahasiswa yang juga ahli kelab berkenaan dari pelbagai jurusan menyertai program itu.

Beliau berkata, kelab turut menyampaikan sumbangan mesin memproses bertih jagung berharga RM1,200 untuk kegunaan pusat itu bagi menjana pendapatan.

"Program ini bagi mendekati golongan ku-



rang bernasib baik dan membantu pertubuhan kebajikan memberi idea, tenaga dan kepakaran untuk membantu penghuni pusat berkenaan berdikari.

"Melalui program ini, mahasiswa USIM berpeluang melaksanakan tanggungjawab membantu dan memberikan khidmat kepada masyarakat serta badan kebajikan," katanya.

Turut hadir, penyelar

Enactus USIM, Dr Mohamad Yazis Ali Basah, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan, Abdullah Hanapi dan Pengerusi PDK itu, Wan Aziz Wan Abdullah.

Arrharatnasari berkata, program itu adalah kali kedua tahun ini selepas PDK Nilai.



Beliau bangga dapat membantu rumah kebajikan itu yang turut mendapat sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan.

"Program yang kami jalankan ini menjadi sebahagian bahan tugas kelab berkenaan bagi menyertai Pertandingan Enactus Kebangsaan Malaysia 2013 (EMNE 2013)," katanya.

Sementara itu, Dr Mohamad Yazis berkata, program yang dilaksanakan itu memberi peluang kepada pelajar USIM merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat selain membina sahsiah diri yang baik.

Abdullah pula mengalu-alukan usaha Kelab Enactus USIM mendekati penghuni PDK itu dan sumbangan diberikan itu dapat membela golongan kurang bernasib baik.